

TINGGAL SEPERTI SEORANG MANUSIA! ITU HAK ANDA



OLEH UNDIMSIA!

Anda berhak untuk tinggal di sebuah rumah yang baik untuk kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan anda.

APAKAH CIRI-CIRI SEBUAH RUMAH YANG BAIK?

HARUSLAH TERLETAK DI LOKASI YANG BAIK

Rumah anda tidak seharusnya dibina pada, atau berdekatan dengan kawasan yang tercemar. Peluang pekerjaan, sekolah dan perkhidmatan kesihatan haruslah berdekatan.

HARUSLAH BERPATUTAN

Anda seharusnya mampu untuk membeli atau menyewa rumah anda, tanpa mengikat perut atau mengorbankan kesihatan dan pendidikan anda dan keluarga.

HARUSLAH AMAN DAN DAMAI

Rumah anda tidak seharusnya diancam jenayah atau ancaman-ancaman lain.

HARUSLAH SELAMAT

Anda tidak seharusnya diusir dari rumah anda, diganggu atau diancam semasa tinggal di rumah anda.

HARUSLAH SESUAI UNTUK DIDIAMI

Rumah anda seharusnya mempunyai ruang yang cukup untuk didiami. Ia seharusnya melindungi anda daripada panas, hujan dan banjir.

HARUSLAH MEMPUNYAI KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN

Rumah anda seharusnya mempunyai bekalan air yang bersih, sumber tenaga untuk memasak, pencahayaan dan lain-lain, sistem sanitasi dan pembuangan sisa.

DUDUK DI MANA?

HARGA SEBUAH RUMAH SATU TINGKAT BIASA


Tahun	Indeks	Harga
1988	\$\$\$\$\$	RM100,000
2000	\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$	RM220,000
2010	\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$\$	RM308,000

* Berdasarkan Indeks Rumah Negara

PURATA PENDAPATAN SEBUAH RUMAHTANGGA

40% ke bawah = RM1500 sebulan

80% ke bawah = RM2500 sebulan



KEPADATAN PENDUDUK DI KUALA LUMPUR

68 ORANG PER HEKTAR
KEPADATAN SEBENAR PADA 2008

25 ORANG PER HEKTAR
DIKEHENDAKI OLEH RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

RM485,000 PURATA HARGA SEBUAH RUMAH DI KUALA LUMPUR PADA JUN 2011 = **9X** PURATA PENDAPATAN SEBUAH RUMAH TANGGA DI BANDAR YANG BERPENDAPATAN RM54,000 SETAHUN

MACAM MANA NI?

- Bayangkan, jika kerajaan membina lebih banyak perumahan awam.
- Bayangkan, jika lebih banyak pekerjaan diwujudkan di seluruh negara dan bukan sahaja di bandar-bandar?
- Bayangkan, jika kita mempunyai sistem kemudahan pengangkutan yang lebih mudah di akses dan cekap.
- Bayangkan, jika kita mempunyai lebih ruang awam di mana keluarga dan komuniti dapat berkumpul.
- Adakah gaji minimum akan membenarkan anda untuk tinggal di sebuah rumah yang selesa?
- Adakah kita semua menikmati perlindungan undang-undang yang sama bagi tempat tinggal kita?

TUNTUTKAN HAK PERUMAHAN ANDA

- Sekiranya anda adalah seorang pelajar, tampilkan poster ini di dalam kelas anda.
- Sekiranya anda adalah seorang guru, gunakan poster ini sebagai bantuan pengajaran.
- Sekiranya anda adalah seorang warganegara Malaysia, bangkitkan isu ini dengan Ahli Parlimen anda.
- Jika anda ingin membincangkan isu ini, jomlah kami di #UndiChats setiap Sabtu 11 pagi - 12 tengahari @ PusatRakyat LB, 3-4, Tingkat 4, Jalan Bangsar Utama 3, Bangsar, 59000 Kuala Lumpur.



MOVE WITH US!
ACTION COMMUNITIES • KOMUNITI BERTINDAK
WWW.UNDIMSIA.COM

f UNDIMSIA b UNDIMSIA

MOVE@UNDIMSIA.COM